

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 1(11)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 11 TAHUN 2014**

Tarikh : 24 Disember 2014 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Timbalan Yang Dipertua, MPSJ | - | Pengerusi
Mesyuarat |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | " |
| 6. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 7. | Encik Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 8. | Encik Sufari bin Tinnin | - | " |
| 9. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 10. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | " |
| 11. | Encik Chia Yew Ken | - | " |

12.	Puan Sazana binti Isa	-	"
13.	Encik Loka Ng Sai Kai	-	"
14.	Encik Michael Noel Jalleh	-	"
15.	Encik Yap Kok Weng	-	"
16.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	"
17.	Ir. Izham bin Hashim	-	"
18.	Puan Rozaina binti Hamzih	-	"
19.	Encik Wan Hock Leong	-	"
20.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
21.	Puan Norzaihan binti Ismail	-	"
22.	Encik Ban Shi Ron	-	"
23.	Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman	-	"
24.	Tuan Haji Mohd Yusop bin Haji Mohd Amin	-	"

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1.	Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan	-	Ahli Majlis
2.	Encik Kamarudzaman bin Sanusi	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
2. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
5. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
6. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
9. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Pengarah, Jabatan Bangunan
10. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
11. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
12. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan

14. Puan Satinah binti Safirol
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
15. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
16. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
17. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
18. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
19. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
20. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
21. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
22. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
23. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
24. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
25. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
26. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
27. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

28. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
29. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
30. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
31. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
32. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
33. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
36. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
37. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
38. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
39. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
40. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
41. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

42. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
43. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
44. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
45. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
46. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
47. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
48. Puan Diana binti Mohamad Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
49. Encik Mohd Shahrin bin Mohd Nasir
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

URUSETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

Tuan Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 11/2014 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 AUDIT SIRIM GREEN 5S

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menerima lawatan daripada Panel Penilai Audit SIRIM Green 5S pada 10 Disember 2014 (Rabu) bagi menilai Sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh melalui pelaksanaan Program Green 5S di MPSJ.

Pihak Pengurusan merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama dan komitmen tinggi yang diberikan oleh warga kerja MPSJ dalam menjayakan program Green 5S di MPSJ ini dan berharap semoga usaha ini diteruskan seiring dengan aspirasi MPSJ untuk memelihara alam sekitar yang lebih lestari untuk generasi kini dan akan datang.

2.2 LAWATAN KERJA YBHG. DATUK HARJEET SINGH A/L HARDEV SINGH, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR) KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR (KETTHA) SEMPENA PROGRAM RANGKA KERJA BANDAR RENDAH KARBON (LOW CARBON CITIES FRAMEWORK 2014) KE MPSJ

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menerima lawatan kerja daripada YBhg. Datuk Harjeet Singh A/L Hardev Singh, Timbalan Ketua Setiausaha (Teknologi Hijau Dan Air) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) Sempena Program Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (Low Carbon Cities Framework 2014) ke MPSJ pada 18 Disember 2014 (Khamis).

Diantara pengisian program yang diadakan semasa lawatan kerja tersebut ialah:

- i. Sesi Taklimat Program Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (Low Carbon Cities Framework)
- ii. Pelaksanaan Program LCCF Oleh Jabatan Perancang Bandar
- iii. Projek-Projek LCCF MPSJ Yang Telah Dilaksanakan Oleh Jabatan Kejuruteraan
- iv. Program Bandar Biomass MPSJ Oleh Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
- v. Lawatan Ke Tapak Projek Biomass Di Bandar Bukit Puchong

Pihak Majlis amat berbesar hati dan mengalu-alukan kunjungan YBhg. Datuk Harjeet Singh A/L Hardev Singh ke Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.3 KEJOHANAN FESTIVAL KESENIAN MAKSAK MALAYSIA 2014

Dalam memperkasakan kebudayaan dan kesenian Malaysia, MAKSAK Malaysia telah menganjurkan Kejohanan Festival Kesenian MAKSAK Malaysia 2014 yang dijadikan sebagai acara tahunan. Kejohanan ini menjadi pentas untuk semua warga kerja perkhidmatan kerajaan seluruh Malaysia bertanding mempamerkan kemahiran dalam persembahan tarian rakyat, nyanyian lagu asli dan moden serta kugiran.

Sebanyak 13 buah kumpulan kugiran yang mewakili MAKSAK dari seluruh Malaysia telah mengambil bahagian di dalam kejohanan tersebut. Pada tahun ini, MAKSAK Kedah telah menjadi tuan rumah untuk menganjurkan kejohanan tersebut. Kejohanan ini telah berlangsung pada 18 - 22 Disember 2014 bertempat di Dewan Sri Negeri, Wisma Darul Aman, Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Kombo Majlis Perbandaran Subang Jaya yang mewakili MAKSAK Selangor telah dinobatkan sebagai Johan buat kali ketiga berturut-turut bagi kejohanan ini menerusi Kategori Kugiran. Selain itu, Kugiran Selangor juga telah memenangi Hadiah Khas Juri iaitu Pemain *Bass* Terbaik dan juga Pemain Gitar Terbaik. Naib Johan kategori kugiran telah dimenangi oleh MAKSAK Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan tempat ketiga telah dimenangi oleh MAKSAK Terengganu.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah di atas kejayaan ini.

2.4 KEJOHANAN CATUR TERBUKA PIALA YDP MPSJ 2014

Kejohanan Catur Terbuka Piala YDP MPSJ 2014 ini merupakan kejohanan kali ke-2 dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya. Kejohanan ini telah diadakan pada 20 Disember 2014 (Sabtu) bermula pada jam 9.00 pagi – 6.00 petang bertempat di Dewan Tuah, Kompleks 3C, MPSJ.

Kejohanan Catur ini merupakan aktiviti tahunan anjuran Kompleks 3C MPSJ dan akan diadakan pada setiap kali cuti persekolahan hujung tahun ekoran penyertaan yang sangat menggalakkan. Kejohanan ini diadakan dengan kerjasama Cerdik Catur Enterprise.

Kejohanan Catur Terbuka Piala YDP MPSJ 2014 pada kali ini telah mendapat penyertaan terbanyak iaitu seramai 256 orang peserta telah menyertai kejohanan ini menerusi 3 kategori yang dipertandingkan iaitu;

- i. Kategori Bawah 12 Tahun – 95 orang
- ii. Kategori Bawah 18 Tahun – 69 orang
- iii. Kategori Terbuka – 92 orang

Kejohanan berskala besar ini juga boleh dikategorikan sebagai kejohanan peringkat kebangsaan kerana penyertaan melibatkan peserta dari seluruh Malaysia dan 2 orang peserta dari luar negara iaitu dari negara Filipina.

2.5 MAJLIS PELANCARAN “MALAYSIAN BUSKERS CORNER” MPSJ 2014

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan Majlis Pelancaran “Malaysian Buskers Corner” MPSJ 2014 pada 24 Disember 2014 (Rabu), bermula pada jam 7.30 malam hingga 10.00 malam bertempat di Canai 15 Café, Jalan SS15/4, Subang Jaya.

Majlis pelancaran “Malaysian Buskers Corner” MPSJ 2014 akan disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Seri Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Majlis ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Abdullah bin Marjunid, Pemangku Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Encik Wady bin Hamdan, Pengurus Malaysian Buskers Club.

Sebanyak empat (4) lokasi “Busking & Buskers” yang telah dipilih di kawasan MPSJ iaitu;

- i. Canai 15 Café, SS15, Subang Jaya
- ii. Kompleks Membeli-Belah The Summit USJ, Subang Jaya
- iii. Mydin USJ 1, Subang Jaya
- iv. One City, USJ 25, Subang Jaya

‘Busking’ ialah persembahan hiburan jalanan dan dipertontonkan secara langsung atau secara ‘live’ di khalayak ramai. ‘Busking’ merangkumi pelbagai jenis persembahan termasuk nyanyian, dendangan alat muzik, tarian, silap mata dan pelbagai lagi persembahan mengikut bakat, kreativiti dan kemahiran. Aktiviti ‘Busking’ ini sememangnya telah lama diperkenalkan di seluruh dunia.

2.6 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 50 (iaitu sehingga 13 Disember 2014) adalah sebanyak 7780 kes denggi dilaporkan dan sebanyak 7424 kes disahkan positif di kawasan MPSJ.

Terdapat dua puluh dua (22) kawasan 'hotspots' di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu;

Lokaliti 'HOTSPOTS' MPSJ		JUMLAH KES
1.	PUSAT BANDAR PUCHONG (JALAN WAWASAN 2)	36
2.	BATU 13, KG. SRI AMAN (LORONG BESTARI)	29
3.	USJ 2/5, SUBANG JAYA	28
4.	TAMAN LESTARI PUTRA 3	25
5.	USJ 14/1, SUBANG JAYA	22
6.	TAMAN PUCHONG PERDANA (JALAN MAWAR)	21
7.	BANDAR KINRARA BK 6F (PANGSAPURI ENGGANG)	20
8.	BANDAR KINRARA 4 (JALAN BK 4/1 & SEBAHAGIAN JALAN BK 4/2 - BK 4/4)	20
9.	PJS 9, LAGOON PERDANA, BANDAR SUNWAY	17
10.	TAMAN SERDANG PERDANA 5 (RUMAH KEDAI)	15

11.	TAMAN PINGGIRAN PUTRA 16 (PUTRA INDAH)	13
12.	TAMAN PUNCAK JALIL 4A (JALAN PUJ 4/1 - PUJ 4/9)	13
13.	PJS 7, BANDAR SUNWAY (SUNWAY COURT)	12
14.	TAMAN PUNCAK JALIL 2 (JALAN PUJ 2/1 - PUJ 2/18)	11
15.	USJ 11/4, SUBANG JAYA	11
16.	SS 16, SUBANG JAYA (CASA TIARA)	10
17.	TAMAN LESTARI PUTRA 6	9
18.	PUSAT BANDAR PUCHONG - PERSIARAN INDERA (SRI CEMPAKA)	9
19.	BANDAR KINRARA 2	8
20.	USJ 1, SUBANG JAYA (PANGSAPURI ANGSANA)	8
21.	USJ 8/2, SUBANG JAYA	6
22.	SS 18/5, SUBANG JAYA	5

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

Peringatan Mesra Kerajaan Negeri Selangor

“Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat menakung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari, setiap masa, di mana jua”.

2.7 PERAYAAN HARI KRISMAS 2014

Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang beragama Kristian. Hari Krismas akan disambut pada 25 Disember 2014 (KHAMIS). Semoga sambutan perayaan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan anda yang meraikannya.

2.8 UCAPAN TAHUN BARU 2015

Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2015 kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ. Tahun Baru 2015 akan disambut pada 01 Januari 2015 (KHAMIS). Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran tahun baru yang bakal menjelma ini, bersama-samalah kita meraikannya dengan penuh syukur dan muhibbah.

Justeru itu, dalam mengharungi tahun 2015 yang akan menjelang ini, bersama-samalah kita menggariskan hala tuju MPSJ dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dapat menyumbang kepada kejayaan MPSJ.

Mudah-mudahan segala inisiatif murni MPSJ ini akan memberikan faedah dan manfaat yang lebih besar dan berterusan kepada MPSJ khususnya dan kepada masyarakat amnya. Dengan tagline '**MPSJ PERBANDARAN VIBRANT**' ianya diharap menjadi pemangkin ke arah pencapaian MPSJ yang lebih gemilang di tahun-tahun yang akan datang.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 10/2014 BERTARIKH 26 NOVEMBER 2014.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2014 bertarikh 26 November 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 20/2014 Bertarikh 01 Disember 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 21/2014 Bertarikh 17 Disember 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 10/2014 Bertarikh 02 Disember 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Mohan Singh A/L Surtar Singh	Pengurusan Aduan di Jabatan Pengurusan Alam Sekitar	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis membuat kajian dan memikirkan mekanisme penyelesaian aduan yang lebih berkesan berhubung jumlah penerimaan aduan di Jabatan Pengurusan Alam Sekitar yang merekodkan jumlah yang tinggi pada setiap bulan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta supaya Jabatan Pengurusan Alam Sekitar untuk menganalisa permasalahan aduan yang diterima dan mencari mekanisme penyelesaian aduan yang lebih berkesan dalam menangani isu ini. Pihak Jabatan juga perlu merangka strategi dan memikirkan kaedah penyelesaian jangka pendek dan</p>

				<p>jangka panjang dalam menangani permasalahan aduan yang diterima.</p> <p>Tuan Pengerusi Mesyuarat turut meminta supaya pihak Jabatan meneliti jenis aduan yang diterima dan perlu dibuat perincian untuk melihat punca-punca aduan, isu-isu berbangkit dan permasalahan yang berlaku berkaitan isu-isu sampah dan pembersihan.</p> <p>Tuan Pengerusi Mesyuarat seterusnya meminta supaya isu dan permasalahan mengenai perkara ini di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar yang akan datang untuk perbincangan lebih lanjut.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 10/2014 Bertarikh 04 Disember 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 10/2014 Bertarikh 10 Disember 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Michael Tamilarason a/ K. Nadaysen	Kerja-Kerja Penampalan Jalan Dan Penyelenggaraan Jalan	Beliau memohon penjelasan daripada pihak Majlis berhubung pelan tindakan pihak Majlis mengenai aspek kerja-kerja penampalan jalan dan penyelenggaraan jalan yang perlu dilihat semula dari segi keberkesanan dan pelaksanaannya di tapak. <u>Maklumbalas:</u> Pegawai Kejuruteraan memaklumkan bahawa terdapat

				<p>beberapa faktor yang menyumbang kepada permasalahan yang berlaku semasa pelaksanaan kerja-kerja penampalan dan penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan di tapak.</p> <p>Antaranya ialah masalah struktur jalan, kegagalan pihak kontraktor serta keadaan cuaca yang tidak menentu dan musim hujan pada ketika ini.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, maklumbalas lanjut berhubung perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi Mesyuarat meminta supaya Jabatan Kejuruteraan membuat kajian secara menyeluruh mengenai aspek teknikal berhubung perkara ini dan mencari mekanisme yang sesuai dalam menangani permasalahan yang berlaku.</p>
--	--	--	--	---

				<p>Pihak Jabatan turut diminta untuk mempertingkatkan tahap kepakaran dan kemahiran sewaktu pemantauan kerja-kerja turapan dan penyelenggaraan jalan di tapak.</p> <p>Pihak Jabatan seterusnya diminta untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini dan memberikan keutamaan untuk menyelesaikan isu ini dengan segera.</p>
2	Hal-Hal Lain	En. Loka Ng Sai Kai	Isu Banjir Di Sungai Besi Indah	<p>Beliau meminta penjelasan daripada pihak Majlis berhubung isu kejadian banjir yang kerap kali berlaku di kawasan Sungai Besi Indah yang telah berlarutan sejak sekian lama.</p> <p>Beliau memohon supaya kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di kawasan tersebut segera dilaksanakan.</p> <p>Selain itu, pihak Majlis juga diminta untuk menyemak semula syarat-syarat yang dikenakan ke atas pihak pemaju di kawasan pembangunan tersebut.</p>

				<p>Sehubungan itu, beliau meminta supaya pihak Majlis mengambil tindakan segera untuk menangani permasalahan berhubung perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan selanjutnya bagi mengenalpasti punca berlakunya kejadian banjir di kawasan tersebut dan memberikan keutamaan untuk menyelesaikan isu ini dengan segera.</p> <p>Pihak Jabatan juga diminta untuk membuat kajian secara menyeluruh bagi melihat kaedah dan alternatif yang sesuai untuk dilaksanakan dalam menyelesaikan masalah ini.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 10/2014 Bertarikh 12 Disember 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.1.7 m.s 11	Encik Chong Hoon Ming	Pemilihan Kawasan Zon Bersih JKP MPSJ 2015	<p>Beliau memaklumkan bahawa beliau dengan sukarela bersetuju untuk menyerahkan pemilihan kawasan Zon Bersih JKP MPSJ 2015 bagi kawasan DUN Seri Kembangan daripada JKP kawasan beliau iaitu JKP Zon 22 kepada JKP Zon 23 iaitu JKP kawasan Ahli Majlis Encik Michael Noel Jalleh.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11/2014 bertarikh 24 Disember 2014 telah bersetuju dengan cadangan ini.</p>

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 09/2014 Bertarikh 15 Disember 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 10/2014 Bertarikh 16 Disember 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 10/2014 Bertarikh 17 Disember 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

**5.0 KERTAS MESYUARAT PERMOHONAN ANGGARAN BAJET TAMBAHAN BIL. 02/2014 MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2014
(Kertas Mesyuarat Bil. 05/12/2014)**

Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11/2014 bertarikh 24 Disember 2014 **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Permohonan Anggaran Bajet Tambahan Bil. 02/2014 Majlis Perbandaran Subang Jaya 2014 berjumlah **RM4,335,000.00 juta** menggunakan sumber rezab Majlis.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

**6.0 KERTAS CADANGAN PENGURUSAN SISA PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN DI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
(Kertas Mesyuarat Bil. 06/12/2014)**

Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11/2014 bertarikh 24 Disember 2014 **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Cadangan Pengurusan Sisa Perindustrian Dan Perdagangan Di Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan memilih cadangan pilihan di para **4.2** iaitu “mengekalkan sistem sedia ada (pengusaha memilih sendiri kontraktor yang berkeelayakan)”. Walau bagaimanapun, pengusaha dikehendaki mendaftarkan nama kontraktor yang dipilih dengan pihak Majlis dalam tempoh tiga (3) bulan pertama tahun 2015 untuk tujuan pemantauan oleh pihak Majlis.

Pihak pengusaha juga diberi pilihan untuk melantik kontraktor yang berkeelayakan yang telah berdaftar sebagai kontraktor panel MPSJ.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

7.0 KERTAS CADANGAN PENGURUSAN SISA PERDAGANGAN (SISA RESTORAN) DI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (Kertas Mesyuarat Bil. 07/12/2014)

Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11/2014 bertarikh 24 Disember 2014 **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Cadangan Pengurusan Sisa Perdagangan (Sisa Restoran) Di Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan memilih cadangan pilihan di para **4.3** iaitu “mengekalkan sistem sedia ada (pengusaha memilih sendiri kontraktor yang berkelayakan)” tetapi pengusaha dikehendaki mendaftarkan nama kontraktor yang dipilih dengan pihak Majlis dalam tempoh tiga (3) bulan pertama tahun 2015 untuk tujuan pemantauan oleh pihak Majlis.

Pihak pengusaha juga diberi pilihan untuk menggunakan perkhidmatan kontraktor lantikan pihak Majlis untuk mengutip semua sampah dan pihak pengusaha perlu membayar kepada pihak Majlis kadar bayaran perkhidmatan mengikut jenis premis yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.

Walau bagaimanapun, pengusaha yang menghasilkan sampah kurang daripada 5 beg plastik sampah (120 liter) sehari dikecualikan daripada melantik kontraktor tetapi wajib menyerahkan surat “Aku Janji” kepada pihak Majlis.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

8.1 Tuan Pengerusi Mesyuarat mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

‘MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI’

Disediakan oleh;

.....
(HAJI MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI, A.M.N., A.M.S.)
Setiausaha Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, S.I.S., A.M.S.)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA